



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لونیورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

GARIS PANDUAN PENYELIAAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH



-Untuk kegunaan dalaman sahaja-

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pindaan Mesyuarat Senat Kali Ke-222 Bil.5/2023
bertarikh 16 Mei 2023

Pengenalan

Penyeliaan ialah proses membimbing penyelidikan, penulisan, pembentangan dan peperiksaan tesis/disertasi seorang pelajar pascasiswazah. Kualiti penyeliaan bergantung kepada interaksi antara penyelia dengan pelajar serta sejauh mana penyelia dan pelajar memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Takrifan

1. **Kakitangan Sepenuh Masa:** Ahli akademik dengan lantikan tetap atau lantikan kontrak (minimum satu tahun) di bawah lantikan Universiti.
2. **Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan/bersara wajib:** Ahli akademik yang tidak lagi berkhidmat di Universiti.
3. **Penyelia Utama:** Ahli akademik yang dicadangkan oleh fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia disertasi/tesis pelajar.
4. **Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu:** Ahli akademik yang dilantik bersama-sama Penyelia Utama yang dicadangkan oleh fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi/tesis pelajar.

1. Pelantikan Penyelia

- 1.1 Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) hendaklah mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) untuk perakuan pelantikan seorang Penyelia Utama dalam kalangan ahli akademik Universiti untuk membimbing dan menyelia calon.
- 1.2 Fakulti/PTj dan IPS boleh mencadangkan kepada JPS pelantikan Penyelia Bersama dalam kalangan ahli akademik Universiti atau dari luar Universiti (yang dinamakan Penyelia Bersekutu) yang mempunyai kelayakan yang sesuai jika diperlukan.
- 1.3 Penyelia utama dan penyelia bersama hendaklah berperanan secara aktif dalam proses penyeliaan. Dalam proses penyeliaan bersama, kesemua penyelia utama dan penyelia bersama hendaklah terlibat dalam memperakukan kemajuan pelajar.
- 1.4 Kriteria pemilihan Penyelia Utama dan Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu adalah ditetapkan seperti berikut:-

Kelayakan minimum Pelantikan Penyelia	
Ijazah Doktor Falsafah	
Penyelia Utama	Penyelia Bersama / Bersekutu
<p>i. Penyelia Utama wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan sekurang-kurangnya:</p> <p>a) dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan; DAN</p> <p>b) sebagai penyelia bersama di peringkat Doktor Falsafah; ATAU</p> <p>c) sebagai penyelia bersama di peringkat Ijazah Sarjana sehingga Tamat Pengajian.</p> <p>ii. Sekiranya Penyelia Utama hanya mempunyai Ijazah Sarjana, pengalaman yang luas dalam penyelidikan diperlukan sebagai tambahan kepada kriteria (i)(a) dan (i)(b) atau (i)(c).</p> <p>iii. ahli akademik boleh dilantik menjadi Penyelia Utama tertakluk kepada geran penyelidikan daripada Universiti atau pihak luar yang diperoleh serta lantikan Penyelia Bersama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.</p> <p>iv. Apabila terdapat hanya seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p> <p>v. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p>	<p>i. Penyelia Bersama / Bersekutu wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah.</p> <p>ii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu hanya mempunyai Ijazah Sarjana, pengalaman yang luas dalam penyelidikan adalah diperlukan.</p> <p>iii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu dari industri atau <i>practitioner</i>, mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan dan bersesuaian dengan tahap tesis.</p> <p>iv. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p>

1.4.1.1 Ahli akademik yang berumur lebih daripada 60 tahun tidak boleh dilantik sebagai Penyelia Utama yang baharu.

1.4.1.2 Ahli akademik yang telah bersara dan tidak dilantik semula dalam skim perkhidmatan Universiti hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama sekiranya ingin meneruskan penyeliaan.

1.4.1.3 Bagi kes-kes khusus yang memerlukan kepakaran khas dan Universiti tidak mempunyai ahli akademik berkelayakan Doktor Falsafah dalam bidang tersebut, Jawatankuasa Pengajian Siswazah boleh mempertimbangkan penyelia tanpa Doktor Falsafah sebagai Penyelia Bersama dan peranannya hanya memberi pandangan dan bimbingan dalam bidang pengkhususan tersebut.

1.4.1.4 Kemahiran penyelidikan, pengalaman dan pengkhususan seorang penyelia wajib sejajar dengan bidang penyelidikan pelajar.

1.4.1.5 Ahli akademik perlu mengikuti kursus penyeliaan sebelum boleh dilantik menjadi penyelia.

1.4.2 Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan

Kelayakan minimum Pelantikan Penyelia	
Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan	
Penyelia Utama	Penyelia Bersama / Bersekutu
<p>i. Penyelia Utama wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah.</p> <p>ii. Sekiranya Penyelia Utama hanya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan, Penyelia Utama mestilah sekurang – kurangnya:</p> <p style="margin-left: 20px;">a) lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau penerbitan; DAN</p> <p style="margin-left: 20px;">b) berpengalaman menjadi penyelia bersama bagi pelajar Ijazah Sarjana.</p> <p>iii. ahli akademik boleh dilantik menjadi Penyelia Utama tertakluk kepada geran penyelidikan daripada Universiti atau pihak luar yang diperolehi serta lantikan Penyelia Bersama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.</p> <p>iv. Apabila terdapat hanya seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p> <p>v. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p>	<p>i. Penyelia Bersama / Bersekutu wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah.</p> <p>ii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu hanya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan, Penyelia Bersama mestilah sekurang – kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau penerbitan.</p> <p>iii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu dari industri atau <i>practitioner</i>, mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkenaan dan bersesuaian dengan tahap disertasi. Kelayakan badan profesional yang diiktiraf boleh dipertimbangkan</p> <p>iv. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.</p>

1.4.2.1 Ahli akademik yang berumur lebih daripada 60 tahun tidak boleh dilantik sebagai Penyelia Utama yang baru.

1.4.2.2 Ahli akademik yang telah bersara dan tidak dilantik semula dalam skim perkhidmatan Universiti hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama sekiranya ingin meneruskan penyeliaan.

1.4.2.3 Kemahiran penyelidikan, pengalaman dan pengkhususan seorang penyelia wajib sejajar dengan bidang penyelidikan pelajar.

1.4.2.4 Ahli akademik perlu mengikuti kursus penyeliaan sebelum boleh dilantik menjadi penyelia.

1.4.3 Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus:

Kelayakan minimum Pelantikan Penyelia	
Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Penyelia Utama	Penyelia Bersama / Bersekutu
<ul style="list-style-type: none"> i. Penyelia Utama wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah. ii. Sekiranya Penyelia Utama hanya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan, Penyelia Utama mestilah sekurang – kurangnya: <ul style="list-style-type: none"> a) lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau penerbitan; DAN b) berpengalaman menjadi penyelia bersama bagi pelajar Ijazah Sarjana. iii. ahli akademik boleh dilantik menjadi Penyelia Utama tertakluk kepada geran penyelidikan daripada Universiti atau pihak luar yang diperoleh serta lantikan Penyelia Bersama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. iv. Apabila terdapat hanya seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap. v. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyelia Bersama / Bersekutu wajib mempunyai Ijazah Doktor Falsafah. ii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu hanya mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan, Penyelia Bersama mestilah sekurang – kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau penerbitan. iii. Sekiranya Penyelia Bersama / Bersekutu dari industri atau <i>practitioner</i>, mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkenaan dan bersesuaian dengan tahap disertasi. Kelayakan badan profesional yang diiktiraf boleh dipertimbangkan. iv. Apabila terdapat lebih daripada seorang ahli akademik yang menjadi penyelia bagi seseorang pelajar, salah seorang daripada penyelia wajib merupakan ahli akademik bertaraf tetap.

1.4.3.1 Ahli akademik yang berumur lebih daripada 60 tahun tidak boleh dilantik sebagai Penyelia Utama yang baru .

1.4.3.2 Ahli akademik yang telah bersara dan tidak dilantik semula dalam skim perkhidmatan Universiti hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama sekiranya ingin meneruskan penyeliaan.

1.4.3.3 Kemahiran penyelidikan, pengalaman dan pengkhususan seorang penyelia wajib sejajar dengan bidang penyelidikan pelajar.

1.4.3.4 Ahli akademik perlu mengikuti kursus penyeliaan sebelum boleh dilantik menjadi penyelia.

1.5 Penyelia yang dilantik hendaklah menjalankan tugas penyeliaan sehingga pelajar bergraduasi. Sekiranya gantian diperlukan, pelantikan baru ini hendaklah dibuat dalam tempoh seperti berikut:

- a) Setahun (1 tahun / 12 bulan) sebelum menamatkan perkhidmatan
- b) Tiga (3) bulan sebelum penyelia asal menarik diri.

1.6 Jika Penyelia Utama yang dilantik ialah seorang ahli akademik warganegara asing, seorang Penyelia Bersama daripada kalangan ahli akademik tempatan hendaklah dilantik.

1.7 Ahli akademik yang dilantik sebagai Penyelia Utama/ Penyelia Bersama boleh meneruskan penyeliaan setelah mereka menamatkan perkhidmatan/bersara dari Universiti. Penyeliaan ini boleh diteruskan bagi pelajar yang sekurang-kurangnya telah menghantar tesis awal dan berstatus Disertasi Disemak.

1.8 Penyelia yang dilantik tidak boleh ada hubungan atau pertalian dengan calon contohnya; suami isteri atau saudara mara terdekat.

1.9 *Pelantikan penyelia yang disarankan adalah seperti berikut: (JPS)

Bil.	Program	Lantikan Penyelia
1.	Kedoktoran	Seorang Penyelia bertaraf Prof./Prof. Madya. Penyelia Bersama boleh dilantik sekiranya kajian pelajar memerlukan kepakaran bidang lain.
2.	Sarjana Mod Penyelidikan	Seorang (1) Penyelia sahaja. Penyelia Bersama boleh dilantik sekiranya kajian pelajar memerlukan kepakaran bidang lain.
3.	Sarjana Mod Penyelidikan & Kerja Kursus dan Mod Kerja Kursus	Seorang (1) Penyelia sahaja.

*Keputusan JPS Kali Ke-176 Bil. 5/2021 bertarikh 24 Mei 2021.

1.10 Pelantikan penyelia ini perlu diteliti di peringkat fakulti dengan merujuk kepada Garis Panduan Beban Tugas Penyeliaan Program Pengajian Siswazah.

2. Pertukaran Penyelia

Permohonan Pertukaran / Menarik Diri		
Peranan	Alasan Permohonan Pertukaran /Menarik Diri	Tindakan
Penyelia	Peribadi/Cuti Belajar/Cuti Sabatikal/Post Doktorat/Cuti Sakit/Bersara atau alasan lain yang munasabah	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengeluarkan surat rasmi kepada Dekan Fakulti. ii. Cadangan pelantikan Penyelia Baharu perlu dibincangkan di peringkat fakulti. iii. Permohonan yang disokong berserta pencalonan Penyelia Baharu perlu diserahkan kepada Dekan IPS untuk perakuan ke Mesyuarat JPS. iv. Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 2 semester sebelum semester akhir pengajian.
Pelajar	Peribadi/Tidak Sesuai dengan bidang kajian atau alasan lain yang munasabah	<ul style="list-style-type: none"> i. Melengkapkan Borang Pertukaran Penyelia yang boleh dimuat turun dari laman web IPS. ii. Penyelia asal perlu dimaklumkan dan bersetuju dengan pertukaran tersebut. Jika penyelia asal tidak bersetuju, Dekan Fakulti boleh menggunakan budi bicaranya untuk memperakukan permohonan pertukaran demi kepentingan pelajar tertakluk kepada kesesuaian bidang. iii. Borang permohonan yang disokong berserta pencalonan Penyelia Baharu perlu diserahkan kepada Dekan IPS untuk perakuan ke Mesyuarat JPS. iv. Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 2 semester sebelum semester akhir pengajian.

3. Etika dan Tanggungjawab Penyelia

3.1 Pertemuan antara penyelia dan pelajar perlu dilaksanakan dan direkodkan seperti butiran berikut:

Penyelia	Pelaksanaan	Medium	Rekod
Penyelia Utama	Sekurang – kurangnya empat (4) kali dalam satu semester	<ul style="list-style-type: none"> i. Secara bersemuka; ii. <i>Remote Supervision: Zoom, Webex, Google Meets, Google Classroom Microsoft Teams</i> Emel, <i>Whatsapp, Telegram, Media Sosial, Panggilan Video (Video Call)</i> atau mana – mana platform yang difikirkan bersesuaian. 	LogBook di MySIS
Penyelia Utama dan Penyelia Bersama	Sekurang – kurangnya dua (2) kali dalam satu semester (secara bersama)		

3.2 Pelaksanaan *remote supervision* boleh menggunakan pelbagai medium yang bersesuaian dan komunikasi antara penyelia dan pelajar perlulah jelas dan mencapai kata persetujuan bagi sesuatu perbincangan. Sekiranya terdapat kegagalan dalam pelaksanaan *remote supervision*, penyelia dan pelajar perlulah menjalankan penyeliaan secara bersemuka bagi memastikan etika dan tanggungjawab penyelia dapat dilaksanakan dengan telus dan sekali gus pelajar dapat memahami etika penyelidikan dengan baik.

3.3 Penyelia Utama dan Penyelia Bersama bertanggungjawab membimbing penyelidikan pelajar sehingga menghasilkan tesis atau disertasi yang memenuhi merit serta menyediakan pelajar untuk mempertahankan tesis atau disertasi semasa viva.

3.4 Penyelia Utama hendaklah memastikan pelajar mengisi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) setiap akhir semester. LKPS berkenaan perlu dilengkapkan oleh pelajar dan diperakukan oleh Penyelia Utama seperti berikut:

Perkara	Tempoh Pengisian / Perakuan LKPS	Tindakan
Pelajar	Minggu 3 – 12 kuliah	Mengisi LKPS dalam tempoh yang ditetapkan dan memastikan Penyelia memperakukan LKPS berkenaan.
Penyelia	Minggu 3 Kuliah – 15 Peperiksaan	Memastikan semua pelajar yang diselia mengisi LKPS dalam tempoh yang ditetapkan.

3.5 Penyelia yang bercuti (atas pelbagai sebab) atau perlu menjalankan penyelidikan / tugas di luar Universiti untuk tempoh melebihi empat (4) minggu perlu memaklumkan kepada pihak fakulti dan IPS bagi membolehkan penyelia dihubungi sepanjang tempoh tersebut sekiranya diperlukan.

3.6 Bagi kes-kes di perkara 3.5, fakulti boleh melantik penyelia sementara (bagi menggantikan Penyelia Utama) bagi tujuan pengesahan LKPS pelajar seperti aturan berikut:

- i. Penyelia Bersama
- ii. Ketua Jabatan
- iii. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)
- iv. Dekan Fakulti

3.7 Penyelia Utama dan Penyelia Bersama boleh menasihati pelajar untuk mengikuti sebarang kursus secara audit.

3.8 Penyelia Utama dan Penyelia Bersama hendaklah membantu pelajar merancang pelan pengajian.

- 3.9 Penyelia Utama hendaklah mengesahkan dalam borang Notis Penyerahan Tesis bahawa beliau berpuas hati pelajar telah mencapai *merit (dari segi kandungan, bahasa dan format) untuk diserahkan bagi tujuan pemeriksaan.
- 3.10 Penyelia Utama juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua pembetulan/pindaan seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Viva telah dilaksanakan oleh calon seperti yang diperakukan oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.
- 3.11 Penyelia seharusnya;
- 3.11.1 Memahami dan mematuhi Peraturan, Dasar dan Garis Panduan Universiti;
 - 3.11.2 Menarik perhatian pelajar kepada semua Peraturan, Dasar dan Garis Panduan Universiti yang relevan, termasuk dasar berhubung etika penyelidikan, hak harta intelek, amalan kerja selamat, serta hak cipta dan kepegangan;
 - 3.11.3 Memastikan perhubungan dengan pelajar dikekalkan sepanjang tempoh penyeliaan melalui sesi pertemuan seperti yang dipersetujui dan sesi seminar selaras dengan keperluan Fakulti/Institut;
 - 3.11.4 Memastikan pelajar boleh menghubungi penyelia apabila perlu;
 - 3.11.5 Memberi panduan mengenai sifat penyelidikan dan standard yang perlu dicapai, perancangan program penyelidikan, literatur relevan dan sumbernya, kaedah penyelidikan dan teknik, pengurusan data penyelidikan dan mengarah pelajar untuk mengikuti program latihan atau kursus yang diperlukan;
 - 3.11.6 Memastikan penyelidikan pelajar adalah asli dan dilakukan sendiri oleh pelajar;
 - 3.11.7 Membantu pelajar mendapatkan data atau memohon data daripada pihak berkaitan;
 - 3.11.8 Membantu pelajar menyediakan jadual penyelidikan dan memantau kemajuan penyelidikan;
 - 3.11.9 Memantau peringkat-peringkat proses penyelidikan secara rapi dan sistematik bagi memastikan aktiviti mengumpul data memenuhi keperluan penyelidikan dan mengelakkan daripada berlakunya kesilapan, kelewatan, dan kekeliruan;
 - 3.11.10 Mengenal pasti keperluan latihan dan memastikan pelajar menjalani latihan yang diperlukan serta menilai bersama-sama keberkesanan latihan;
 - 3.11.11 Menarik perhatian pelajar tentang perkembangan terkini dalam bidang berkaitan hasil dari interaksi penyelia dengan penyelidik lain atau ahli profesional;
 - 3.11.12 Mengarahkan pelajar untuk merujuk kepada pakar bidang jika perlu;
 - 3.11.13 Memberi panduan tentang bagaimana melaksanakan kerja lapangan dalam penyelidikan yang melibatkan kerja lapangan;

- 3.11.14 Meminta pelajar menyediakan kerja bertulis dengan memberikan tempoh masa yang berpatutan dan memulangkan kerja yang disemak dengan memberikan maklum balas yang membina dalam tempoh waktu yang wajar;
 - 3.11.15 Berunding bersama Penyelia Bersama dan Penasihat untuk menyelaraskan perbezaan pandangan;
 - 3.11.16 Menilai kemajuan pelajar dan memantau pencapaian mengikut mutu yang ditetapkan serta melaporkan kemajuan pelajar dalam Laporan Kemajuan Calon mengikut tarikh yang ditetapkan;
 - 3.11.17 Memastikan pelajar dimaklumkan secara bertulis tentang sebarang kekurangan sama ada berhubung kemajuan atau/dan tahap penyelidikan;
 - 3.11.18 Menyimpan rekod penyeliaan dengan mencatatkan perkara yang dibincangkan;
 - 3.11.19 Mengarahkan perhatian pelajar kepada sumber maklumat tentang hal-hal berkaitan pentadbiran seperti gaya penulisan, bilangan perkataan, bilangan salinan yang diperlukan, peraturan berhubung penambahan tempoh pengajian dan sumber pembiayaan penyelidikan;
 - 3.11.20 Membincangkan format dan gaya penulisan tesis/disertasi yang perlu dipatuhi dan memastikan pelajar mengikuti format dan gaya penulisan tersebut dari peringkat awal;
 - 3.11.21 Memastikan pelajar mempunyai jadual penulisan tesis/disertasi yang jelas bertepatan dengan keperluan yang ditetapkan;
 - 3.11.22 Memantau secara rapi setiap peringkat penulisan tesis/disertasi supaya pelajar dapat mengatasi masalah penulisan yang dihadapi;
 - 3.11.23 Memberi panduan dalam proses penulisan tesis/disertasi dengan membaca draf tesis/disertasi dan memberi maklum balas;
 - 3.11.24 Membantu Fakulti/Institut dalam proses pelantikan Pemeriksa apabila pelajar menghantar Notis Penyerahan Tesis/Disertasi;
 - 3.11.25 Membantu pelajar membuat persediaan untuk Peperiksaan Lisan;
 - 3.11.26 Membantu pelajar memahami komen Pemeriksa dan memastikan semua keperluan dipenuhi untuk serahan akhir.
 - 3.11.27 Membincangkan dan merancang penerbitan serta menerangkan mengenai syarat-syarat kepengarangan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti;
 - 3.11.28 Memberi panduan kepada pelajar berkenaan syarat penerbitan yang perlu dipenuhi serta dihantar mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh IPS;
 - 3.11.29 Memastikan artikel yang dihasilkan bagi memenuhi syarat penerbitan adalah berkaitan dengan bidang tajuk penyelidikan pelajar;
 - 3.11.30 Memberi nasihat dan merancang tentang persidangan yang sesuai untuk dihadiri oleh pelajar;
- 3.12 Memaklumkan pelajar terlebih awal sekiranya penyelia bercuti atau perlu menjalankan penyelidikan/tugasan di luar Universiti untuk tempoh melebihi empat (4) minggu dan memberikan maklumat untuk membolehkan pelajar menghubungi penyelia sepanjang tempoh tersebut.

4. Penyelia Bersekutu

- 4.1 Penyelia Bersekutu boleh dilantik daripada kalangan ahli akademik atau penyelidik dari mana-mana agensi luar dengan syarat memenuhi kriteria di para 1.4. Peranan penyelia bersekutu adalah seperti di para 3.3.
- 4.2 Pelantikan penyelia bersekutu adalah bertujuan untuk kepentingan kajian pelajar sama ada sebagai penyelidik bersama geran penyelidikan, kepakaran/penggunaan alatan/instrumen yang tiada di UPSI.

5. Etika Penyelidikan


Penyelia hendaklah menasihati pelajar supaya:


- 5.1 mengemukakan data kajian yang sebenar dan maklumat sahih.
- 5.2 mentafsirkan data kajian secara ilmiah.
- 5.3 memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumbangan kerja atau peranan orang lain sama ada dari segi idea atau bahan dalam apa juga bentuk makluman atau pendokumentasian tentang hasil penyelidikan yang diperoleh.
- 5.4 merahsiakan sumber maklumat yang diberi oleh seseorang sekiranya diminta berbuat demikian oleh si pemberi maklumat sama ada secara lisan atau bertulis dan menggunakan maklumat itu hanya untuk tujuan yang diizinkan oleh pemberi dan menurut amalan kesarjanaan yang lazim.
- 5.5 menggunakan peruntukan kewangan, sumber atau kemudahan lain yang diberi kepadanya bagi tujuan penyelidikan dengan amanah, jujur dan wajar menurut syarat yang telah dipersetujui antara penyelidik dengan pihak pengurusan universiti atau mana-mana penyumbang kewangan atau geran penyelidikan berkenaan.
- 5.6 mematuhi etika dan peraturan berhubung dengan; (i) penyelidikan menggunakan manusia, (ii) penyelidikan menggunakan haiwan, (iii) biokeselamatan (biosafety) seperti yang dikuatkuasakan di peringkat Universiti.
- 5.7 meminta kebenaran penggunaan harta intelek daripada pihak berkenaan jika perlu.
- 5.8 memastikan hasil penyelidikan yang hendak dibentangkan dan diterbitkan seperti yang disyaratkan oleh pihak yang berkepentingan.
- 5.9 memastikan hak kepengarangan (*authorship*) dipatuhi iaitu mengiktiraf sumbangan penyelia dan pelajar dengan menyenaraikan nama semua pihak yang terlibat dalam penulisan.
- 5.10 memastikan tidak berlaku konflik kepentingan dalam penetapan penyelia utama/penyelia bersama/penyelia bersekutu seperti penyelia yang mempunyai hubungan terdekat dengan pelajar atau sebagai responden dalam pengumpulan data.

6.0 Penulisan Tesis

- 6.1 Penulisan Tesis/disertasi adalah di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 6.2 Tesis/disertasi hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang berkaitan dengan bidang penyelidikan pelajar. Dalam keadaan tertentu, Senat boleh meluluskan suatu bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk tesis/ disertasi berkenaan.
- 6.3 Panduan penulisan tesis/disertasi hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi dalam Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
[Mesyuarat Senat Kali Ke-203 Bil. 7/2021 bertarikh 6 Julai 2021]

CARTA ALIR PROSES PENYELIAAN TESIS





Pelajar menyerahkan Notis Penyerahan Disertasi / Tesis kepada pihak IPS untuk lantikan pemeriksa setelah menyiapkan atau hampir menyiapkan disertasi / tesis 3 bulan sebelum tarikh penyerahan disertasi awal

- Diadakan dalam tempoh 3 bulan setelah notis diserahkan ke IPS.
- Tujuan diadakan adalah bagi memberi persediaan awal pelajar
- menghadapi viva sebenar selain membuat penambahbaikan terhadap pembentangan